

01/10/1998

Siasatan penuh dakwaan Anwar

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, siasatan penuh akan dijalankan berhubung dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa beliau cedera akibat dipukul polis ketika dalam tahanan.

Perdana Menteri berkata, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap pihak polis yang terbabit jika siasatan berkenaan mendapati ada kebenaran dalam dakwaan Anwar itu.

"Peguam Negara sudah mengarahkan siasatan yang membabitkan pasukan polis lain. Siasatan itu tidak boleh dibuat oleh Peguam Negara kerana ia bukan tanggungjawabnya dan dia tidak ada jentera untuk menjalankannya.

"Majoriti daripada pihak polis adalah profesional dan ingin membuktikan mereka berbuat sesuatu mengikut prinsip profesional. Sebab itu satu pasukan khas yang bebas dan tidak ada kaitan dengan cawangan khas akan dipilih untuk menjalankan siasatan," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar di sini hari ini, bagi memberi penjelasan berhubung kecederaan yang dialami Anwar ketika dia ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), di lokap Bukit Aman.

Semalam, Anwar yang muncul buat pertama kali di khalayak ramai selepas penahanannya 20 September lalu, mendakwa dia ditumbuk dan ditampar oleh polis sehingga mata kirinya cedera, hidungnya berdarah dan bibirnya pecah.

Anwar membuat aduan itu selepas Mahkamah Sesyen di sini mendengar lima tuduhan rasuah dan empat tuduhan melakukan persetubuhan di luar tabii yang dikenakan ke atasnya.

Menurut Dr Mahathir, penjelasannya dan jaminan siasatan oleh pasukan khas itu perlu bagi memastikan keadaan yang dialami serta aduan Anwar di Mahkamah Sesyen semalam tidak menjejaskan proses perbicaraan terhadap bekas timbalannya itu.

"Saya ingin jelaskan bahawa kerajaan tidak akan menerima sebarang tindakan polis yang tidak dibenarkan mengikut undang-undang. Mereka tidak boleh membinasakan tahanan walaupun dalam proses soal-meny soal atau lain-lain," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan Anwar melakukan provokasi melampau sehingga dikasari pihak polis yang menyiasatnya ketika dalam tahanan.

Dr Mahathir berkata, ada kemungkinan Anwar sengaja menimbulkan kemarahan pihak polis atau berbuat sesuatu sehingga menyebabkan pihak polis terpaksa menggunakan kekerasan.

"Nampaknya dia sudahpun mengalami apa yang awal-awal lagi dia ramalkan. Ramalannya ialah kalau dia ditangkap, dia akan diseksa dan kita dapat bukti dia diseksa dan ini akan meraih simpati kepadanya.

"Kalau nak kata dia rancang atau tidak, saya tak berani tetapi kemungkinan kalau dia sengaja menimbulkan kemarahan (polis) atau dia berbuat sesuatu yang menyebabkan pihak polis terpaksa menahannya daripada memberontak.

"Dia juga mungkin berbuat sesuatu yang menyebabkan polis terpaksa menggunakan kekerasan, mungkin dalam proses itu juga terjadi kecederaan yang kita lihat," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, orang ramai tidak boleh menganggap kecederaan Anwar semestinya disebabkan polis dalam usaha mereka mendapat sesuatu maklumat.

Menurutnya, orang lain termasuk Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, pernah ditahan polis, tetapi tidak ada laporan mereka diceritakan atau

diperlakukan sesuatu oleh polis.

"Banyak orang yang sudah masuk tahanan polis, tetapi tiada bukti mereka (polis) melakukan kecederaan ini sebagai satu proses mereka.

"Dalam kes Anwar ini, saya tidak nampak satu faedah pun bagi polis untuk membuat sesuatu kepada Anwar kerana mereka tidak perlu mendapat pengakuan daripadanya," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau juga menyedari ada kes keganasan polis di mana-mana saja, termasuk di Amerika Syarikat dan Eropah.

"Kita tahu kerap kali orang Pakistan, Bangladesh dan orang dari West Indies (Hindia Barat) dipukul oleh polis di negara tertentu. Keganasan polis bukan terhad kepada negara Asean dan negara bukan Eropah.

"Negara Eropah juga memperlihatkan keganasan polis dan saya harap ini tidak akan digunakan media asing untuk menarik perhatian daripada perbicaraan terhadap kesalahan Anwar," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir menjelaskan, media asing tidak dipanggil dalam sidang akhbar itu kerana ia tidak memberi faedah sama sekali.

Menurutnya, media asing sudah pun membuat keputusan orang yang bukan kulit putih seperti mereka tidak mungkin mempunyai kebolehan, terutama sekali berhubung hak manusia yang mereka dakwa sebagai hak asasi manusia.

"Jadi, saya tidak akan bazirkan masa bercakap dengan mereka kerana apa juga yang kita kata, mereka tidak akan siar bahkan mereka akan menonjolkan pendapat mereka," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, penjelasannya mengenai kecederaan Anwar perlu kerana beliau sedar ia akan digunakan oleh media asing bukan saja untuk memburukkan polis, malah kerajaan Malaysia yang dikatakan diktator.

(END)